

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 APRIL 2015



NAJIB TUN RAZAK beramah mesra dengan orang ramai sewaktu tiba untuk melancarkan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia di Indera Mahkota, Kuantan, semalam. Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Ismail Sabri Yaakob.
- UTUSAN/MAHATHIR ALI

PM lancar Agrobazaar Rakyat 1Malaysia

um - 4/4/2015

KUANTAN 3 April - Kerajaan meneruskan usaha meringankan beban hidup rakyat dengan memperkenalkan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia bagi membolehkan pengguna mendapatkan pelbagai produk pada harga berpatutan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa), Indera Mahkota di sini hari ini.

Premis berkonsepkan pasar mini itu diwujudkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjual pelbagai barangan pada harga berpatutan iaitu inisiatif kerajaan seperti yang terdapat di Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) selain menawarkan harga antara lima hingga 20 peratus lebih rendah berbanding pasaran bagi sayur, buah-buahan, ayam, daging serta ikan.

Najib berkata, pelancaran Agrobazaar Rakyat 1Malaysia mencerminkan kesungguhan kerajaan melaksanakan konsep mem bela kepentingan rakyat selepas

memperkenalkan pelbagai produk serta perkhidmatan jenama 1Malaysia seperti KR1M, Klinik 1Malaysia dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

"Ini adalah tanda bahawa kerajaan sentiasa membela kepentingan rakyat. Saya yakin dan percaya kalau kita berpegang kepada prinsip sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dengan melaksanakan lebih banyak program serta mencekutkan idea bernas, mereka akan bersama dengan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN)," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

Yang hadir sama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Timbalannya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman; Pengerusi Pasfa, Datuk Mustaffar Kamal Abdul Hamid; Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Tan Sri Badruddin Amiruldin; Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Seri Saipolbahri

Suib; Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Datuk Mohamad Dolmat serta Pengerusi Jawatan Kuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri, Datuk Mohd. Sharkar Shamsudin.

Pasfa menjadi perintis pelaksanaan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia sebelum diperluas seluruh negara.

Menurut Perdana Menteri, konsep Agrobazaar Rakyat 1Malaysia merupakan satu platform pertumbuhan antara pengeluar dan pengguna yang mana pemasaran hasil keluaran petani, nelayan serta penternak dibuat tanpa menggunakan orang tengah.

Sehubungan itu, beliau mahu lebih banyak premis seumpama itu yang mengutamakan kesejahteraan rakyat diperbanyakkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) agar orang tengah tidak lagi menguasai rantaian bekalan bagi memastikan pengeluar dan pengguna bersama-sama mendapat keuntungan.